



# **SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR)**

MOHD NIZAM BIN DIN  
KETUA BAHAGIAN INTEGRITI  
CAWANGAN DASAR & PENGURUSAN KORPORAT

# RASUAH / SUAPAN



(Sumber diperolehi daripada SPRM)

# DEFINISI RASUAH / SUAPAN

- ▶ Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.
- ▶ Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun.
- ▶ Empat (4) kesalahan rasuah yang utama:
  - ▶ meminta atau menerima rasuah
  - ▶ menawar atau memberi rasuah
  - ▶ membuat tuntutan palsu
  - ▶ menyalahguna jawatan atau kedudukan



# STATISTIK TANGKAPAN SPRM

BULAN	SEKTOR	BIL	PERATUS
Jan 2022	Penjawat Awam	42	26.42%
	Pengurusan Tertinggi	2	
	Pengurusan dan Profesional	22	
	Sokongan	18	
	Awam	117	73.58%
	Swasta	79	
	Orang Awam	35	
	Lain-lain	3	
	JUMLAH	159	100.00%
	JUMLAH BESAR	159	

(Sumber diperolehi daripada SPRM)

**Jabatan Kerja Raya (JKR)** telah ditarafkan sebagai organisasi berisiko **Tinggi**.

# ADAKAH RISIKO BOLEH DIKAWAL / DIKURANGKAN?




Boleh dikawal dan dikurangkan dengan mewujudkan pelan mitigasi yang bersesuaian.

- Melalui pengukuhan inisiatif pencegahan rasuah seperti melaksanakan ;
- o Ikrar Bebas Rasuah (IBR)
  - o Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP)
  - o Anti Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001

Sistem pencegahan rasuah yang komprehensif dan efisien boleh mempengaruhi faktor ancaman

# ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) / SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH (SPAR)



- ISO 37001:2016 – Standard Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (AntiBribery Management System - ABMS) diterbitkan pada Oktober 2016 oleh International Standard Organization (ISO).
- Bertujuan membantu melaksana, menyenggara serta menambahbaik sistem pengurusan anti rasuah sebagai langkah pencegahan rasuah dalam organisasi.

## ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) / SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH (SPAR)

- Merupakan sistem pengurusan yang sistematik bagi menangani perlakuan rasuah dalam sektor awam, kakitangan atau kontraktor atau syarikat yg bertindak bagi JKR atau bagi pihaknya atau pihak berkepentingan.
- Merupakan dokumen panduan bagi pelaksanaan pengurusan Antirasuah bagi mencegah, mengesan dan memberi respon kepada perlakuan rasuah serta pematuhan kepada keperluan ISO 37001-2016 ABMS dan undang-undang antirasuah.



Surat arahan pemakaian Dokumen SPB Keluaran 07 adalah berkuat kuasa pada 14 Januari 2022







Majlis Pelancaran **Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) 37001:2016** telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya pada **28 Januari 2022**.

# SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2016



**JKR SPAR**  
SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH JKR MALAYSIA

Meningkatkan prestasi dan produktiviti melalui pembudayaan tadbir urus, integriti dan antirasuah secara berkeson

**JKR**  
KE ARAH PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2016

Audit SIRIM Stage 1: JAN 22, MAC 22  
Audit SIRIM Stage 2: JUN 22, Ogos 22

SAKPKR Pemakaian Dokumen SPAR  
Audit Dalaman SPAR

ISO 37001:2016 CERTIFIED

CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT

**April 2021** ✓  
Perlantikan *Task Force* & Pembangunan Dokumen SPAR

**Okt 2021** ✓  
Deraf Akhir Dokumen SPAR

**Dis 2021** ✓  
Permohonan Kelulusan Pemakaian Dokumen SPB (SPAR)

**Jan 2022** ✓  
SAKPKR Pemakaian Dokumen SPB Keluaran 07 (SPAR)

**Mac 2022**  
Audit Stage 1 oleh Badan Pensijilan

**Apr 2022**  
Audit Dalaman SPAR

**Ogos 2022**  
Audit Stage 2 oleh Badan Pensijilan



JKR Malaysia Ke Arah **Pensijilan ISO 37001:2016**

# LATAR BELAKANG

•Jabatan Standard Malaysia (JSM) dengan kerjasama SPRM telah melancarkan sistem piawaian yang dikenali sebagai MS ISO 37001:2016 ABMS pada 27 Oktober 2017.

•MS ISO 37001:2016 ABMS telah dibangunkan berdasarkan ISO 37001:2016 ABMS.

•Mesyuarat **Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR)** Siri 5 Bil.5 Tahun 2018 bersetuju supaya:

✓Standard antarabangsa ISO 37001 *Anti-bribery Management Systems* digunapakai secara menyeluruh di setiap Kementerian, agensi dan jabatan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang berisiko tinggi bagi mencegah rasuah dan membina budaya integriti.

•Mesyuarat Jawatankuasa NACP Peringkat KKR yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) meminta agar JKR mengenalpasti Cawangan yang berisiko tinggi rasuah dan mendapatkan pensijilan ABMS dalam tempoh yang ditetapkan.

# LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai AntiRasuah (JKKMAR) pada 21 November 2018 bersetuju supaya:

- ▶ Standard antarabangsa ISO 37001 Anti-bribery Management Systems digunapakai secara menyeluruh di setiap Kementerian, agensi dan jabatan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang berisiko tinggi bagi mencegah rasuah dan membina budaya integriti.



Salah satu inisiatif untuk merekayasa\* perkhidmatan awam ke arah tadbir urus baik melalui pensijilan ABMS ISO 37001 di semua agensi Kerajaan.

*\*penerapan unsur-unsur ilmu, budaya, dsb dlm perancangan, mekanisme kerja, dll sbg asas melaksanakan sesuatu*



# PUNCA KUASA

## PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023



JABATAN PERDANA MENTERI

29 Januari 2019 Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP) dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia

## BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN SEKTOR AWAM STRATEGI 2: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam


### OBJEKTIF STRATEGIK 2.1: Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA
2.1.1	Menguatkan mekanisme dalam menguatkuasa pusingan kerja secara mandatori kepada penjawat awam yang memegang jawatan sensitif	i. Jabatan Perkhidmatan Awam (JIPA) ii. Jabatan/ Agensi di peringkat Kerajaan Negeri yang berkaitan	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
2.1.2	Menggubal dasar dalam mengurus penglibatan dan pelantikan pegawai kanan Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif di semua Syarikat Berkepentingan Kerajaan dan Badan Berkanun	i. Kementerian Kewangan (MOF) ii. Jabatan Perkhidmatan Awam (JIPA) iii. Jabatan Perdana Menteri (JPM) iv. Jabatan/ Agensi di Peringkat Kerajaan Negeri yang berkaitan	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
2.1.3	Memperkenalkan pensijilan <i>Anti-Bribery Management System (ABMS)</i> MS ISO 37001 di semua agensi Kerajaan	i. Jabatan Standard Malaysia (JSM) ii. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) iii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
2.1.4	Mewujudkan inisiatif untuk menggalakkan dan menguruskan nilai baik di tempat kerja berteraskan integriti, akauntabiliti dan kecekapan dalam sektor awam melalui:  a. Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) untuk mengukur dan menganalisis nilai baik di tempat kerja dalam sektor awam berpandukan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 Siri 7 No. 1 Tahun 2007  b. Modul Pemantapan Nilai Perkhidmatan Awam Modul ini mencadangkan inisiatif dalam memantapkan dan menyepadukan nilai dalam struktur, proses, sistem dan penyampaian dalam pengoperasian sektor awam	i. Jabatan Perkhidmatan Awam (JIPA) ii. Kementerian/Jabatan/ Agensi / Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
2.1.5	Mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh tiga agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia	i) Jabatan Perdana Menteri (JPM) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
2.1.6	Membentuk mekanisme yang kukuh dan efektif dalam proses pengeluaran permit dan lesen	i. Jabatan Perdana Menteri (JPM) ii. Kementerian/Jabatan/Agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)

# PUNCA KUASA

## ARAHAN KPKR SPB KELUARAN 07

Penambahan Sistem  
Pengurusan Antirasuah  
( **SPAR** JKR ISO 37001:2016)

  
KETUA PENGARAH KERJA RAYA  
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS

Rujukan: JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 26 ( 9 )  
Tarikh : 10 Januari 2022

Semua Pengarah Kanan/ Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR  
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri  
Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan  
Semua Pengarah Pembinaan  
Pengarah JKR KESEDAR  
Pengarah JKR KETENGAH  
Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 1 /2022

PEMAKAIAN SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU (SPB) DALAM SISTEM KERJA JKR MALAYSIA

- SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK JKR ISO 9001:2015)
- SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (SPKKP JKR ISO 45001:2018)
- SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (SPAS JKR ISO 14001:2015)
- SISTEM PENGURUSAN TENAGA (SPT JKR ISO 50001:2018)
- SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR JKR ISO 37001:2016)


1.0 TUJUAN

Surat arahan ini bertujuan untuk memaklumkan:

- Penambahan Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) ISO 37001:2016;

1/6

Jabatan Kerja Raya Malaysia  
Public Works Department Malaysia  
Ara: 33, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50483 Kuala Lumpur  
Tel: 63-2618 8421 Faks: 63-2618 8798 <http://www.jkr.gov.my>





APA ITU  
ISO 37001:2016  
ABMS

ISO 37001:2016 ABMS telah diterbitkan dan dilancarkan pada **14 Oktober 2016** sempena *47<sup>th</sup> Worlds Standards Day 2016*

Dibangunkan bagi membantu organisasi dalam mewujudkan, melaksana dan memperbaiki program pematuhan anti-rasuahnya.

Standard ini merangkumi beberapa siri langkah dan elemen kawalan yang terdiri daripada amalan terbaik anti-rasuah global.

Antara elemen-elemen ini termasuklah :

- Polisi anti-rasuah
- Kepimpinan, komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan tertinggi
- Due diligence*
- Latihan Anti-Rasuah
- Bribery Risk Assessment*
- Oversight Governing Body*
- Pelaporan, pemantauan, pengesanan, tindakan pemulihan dan penambahbaikan secara berterusan*

Ini bermaksud, dengan ada ISO 37001:2016 ABMS, organisasi kini mempunyai satu set elemen minima bertaraf antarabangsa yang boleh dilaksanakan untuk mencegah, mengesan dan mengambil tindakan ke atas perlakuan rasuah.

# SIAPA YANG BOLEH MENGGUNAKAN MS ISO 37001:2016 ABMS?

Standard ini adalah fleksibel boleh digunapakai oleh pelbagai organisasi termasuk:



**Agensi Kerajaan (badan awam)**



**Syarikat swasta**



**NGOs**

Standard ini adalah universal dan boleh digunakan oleh organisasi di semua negara

# KEBAIKAN PENSIJILAN SPAR

1

Deklarasi kepada pelanggan, pemegang taruh (*stakeholders*), pekerja, *business associates*, *regulatory authorities* dan masyarakat awam bahawa organisasi adalah komited dalam mengamalkan operasi perniagaan yang beretika dan seterusnya meningkatkan keyakinan mereka terhadap organisasi.

2

Dalam keadaan semasa di mana isu rasuah hangat diperbincangkan, pensijilan ini juga mampu memberi "*substantial competitive advantage*" kepada organisasi.

3

MS ISO 37001:2016 ABMS tidak dapat menjamin bahawa tidak akan wujud lagi rasuah selepas pensijilannya, tetapi semestinya dapat membantu organisasi dalam melaksanakan inisiatif pencegahan rasuah dan kawalan dalaman yang komprehensif dalam mengurangkan risiko rasuah serta cara bagaimana hendak menanganinya sekiranya berlaku.



# DASAR ANTIRASUAH

1. Memperkukuh tadbir urus, pemantapan integriti dan Antirasuah dalam tadbir urus Jabatan ke arah sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan akauntibiliti bagi meningkatkan keyakinan pemegang taruh, pelanggan serta imej Jabatan.
2. Mengambil tindakan pengesanan, pematuhan, punitif yang tegas dan adil bagi mencegah perlakuan rasuah, pelanggaran terhadap integriti dan melaporkan kepada pihak berkaitan untuk tindakan sewajarnya.
3. Memberi komitmen ke arah penambakan sistem dan prosedur kerja serta kod etika kerja secara berterusan selaras dengan visi Pelan Antirasuah Organisasi JKR Malaysia dengan hala tuju mencapai sebuah Jabatan yang berintegriti, tadbir urus cekap dan bebas rasuah.



## SKOP SPAR

Skop **SPAR** melibatkan **Pengurusan Projek Persekutuan** yang jumlah **kos kontrak melebihi RM500 ribu** meliputi:

- Perolehan dan Perkhidmatan Sokongan
- SPAR dilaksanakan di **semua Cawangan Ibu Pejabat JKR Malaysia** dan **dua (2) Negeri** terpilih iaitu **JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** dan **JKR Negeri Sembilan**.

# OBJEKTIF SPAR

Bil.	Objektif	Sasaran	Program	Tanggungjawab
1.	Pematuhan terhadap Pelaksanaan <b>Integrity Pact</b> dalam <b>Perolehan Kerajaan</b>	Pematuhan 100% kepada pelaksanaan Integrity Pact dalam Perolehan Kerajaan dengan varians 10%.	<p>a. Pelaporan dan pemantauan kepada pematuhan Prosedur Integrity Pack dalam Perolehan kepada Urus Setia SPAR sebanyak 2 kali setahun</p> <p>b. Kursus berkaitan Pengurusan Perolehan kepada pegawai yang berkaitan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahagian Integriti, CDPK</li> <li>• Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan</li> <li>• JKR Cawangan</li> <li>• JKR Negeri</li> </ul>
2.	<b>Kawalan integriti</b> dalam kitaran <b>pengurusan projek JKR</b>	Pematuhan 100% projek melebihi RM500 ribu menggunakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)	<p>a. Program Pembudayaan SPAR melalui kursus/ taklimat/ roadshow</p> <p>b. Audit Dalaman dan Audit oleh Badan Pensijilan Luar</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahagian Integriti dan Kualiti, CDPK</li> <li>• JKR Cawangan</li> <li>• JKR Negeri</li> </ul>



# OBJEKTIF SPAR (SAMB.)


Bil.	Objektif	Sasaran	Program	Tanggungjawab
3.	Pengurusan <b>Aduan Integriti</b> yang <b>cekap</b> dan <b>telus</b>	Memastikan 100% aduan integriti yang diterima disiasat dan diambil tindakan.	<p>a. Pelaporan dan pemantauan kepada pematuhan Prosedur Aduan Integriti dan Prosedur Siasatan Aduan sebanyak 2 kali setahun.</p> <p>b. Hebahan Polisi <i>whistle blowing</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahagian Integriti, CDPK</li> <li>• JKR Cawangan</li> <li>• JKR Negeri</li> </ul>
4.	Memastikan <b>tadbir urus SPAR</b> JKR Malaysia dilaksanakan dengan <b>berkesan</b>	Melaksanakan Mesyuarat Pengurusan Antirasuah JKR Malaysia	<p>a. Mesyuarat JAR JKR Malaysia dilaksanakan 3 kali setahun</p> <p>b. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) SPAR dilaksanakan sekali setahun</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahagian Integriti, CDPK</li> <li>• KPKR/ TKPKR</li> <li>• Semua Pengarah JKR Cawangan dan Negeri</li> </ul>

# PENAMBAHAN 5 PROSEDUR BARU

NO PROSEDUR	NAMA PROSEDUR
<b>PROSEDUR KERJA PENGURUSAN</b>	
JKR.PK(P).15	Prosedur <b>Penempatan</b> Pegawai di JKR Cawangan/ Negeri
JKR.PK(P).16	Prosedur <b>Penerimaan dan Pemberian Hadiah, Keraian serta Sumbangan</b>
JKR.PK(P).17	Prosedur <b>Aduan Integriti</b>
JKR.PK(P).18	Prosedur <b>Siasatan</b> Aduan Integriti
<b>PROSEDUR KERJA OPERASI</b>	
JKR.PK(O).03A	Prosedur Pelaksanaan <b>Integrity Pack</b> dalam Perolehan

# STRUKTUR PENGURUSAN SPAR JKR

## STRUKTUR UMUM TANGGUNGJAWAB DALAM PENGURUSAN ANTIRASUAH JKR










\* Pengerusi Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JKR Malaysia

\*\* Pengerusi Ganti Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JKR Malaysia

\*\*\* Pengerusi Pelan Pengurusan Antirasuah Organisasi JKR

# FAEDAH PELAKSANAAN SPAR



	<b>MENGURANGKAN KES RASUAH</b>	<b>01</b>
	<b>MENINGKATKAN PEMATUHAN AKTA SPRM 2009</b>	<b>02</b>
	<b>MENINGKATKAN KESEDARAN UNTUK MELAPORKAN SALAH LAKU RASUAH</b>	<b>03</b>
	<b>MEMPERBAIKI PERSEPSI RASUAH TERHADAP NEGARA</b>	<b>04</b>
	<b>KESAN YANG POSITIF KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI</b>	<b>05</b>
	<b>MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KERJA YANG BEBAS RASUAH</b>	<b>06</b>

SEKIAN, TERIMA KASIH



**BAHAGIAN INTEGRITI  
CAW. DASAR & PENGURUSAN  
KORPORAT  
03 – 26188615 / 8616 / 8722**